

Tajuk : Program SETEA 2016 UNIMAS dapat sambutan

Program SETEA 2016 UNIMAS dapat sambutan



Haji Abu Bakar Ibrahim sedang memberikan ucapan semasa Majlis Penangguhan Program SETEA 2016.

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menganjurkan dengan jayanya Program Self Expression Through Expressive Artwork: Creative Healing Theory Into Practice (SETEA) pada 10 hingga 11 Mei 2016 bertempat di Hotel Citadine, Kuching.

Program SETEA 2016 yang julung kali diadakan merupakan anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) dengan kerjasama Unit Kaunseling dan Kebajikan Pelajar (UniK), UNIMAS.

Program ini telah dibuka penyertaan kepada para pegawai psikologi, pengamal kaunseling, pegawai khidmat masyarakat dan terbuka kepada umum sejak awal April 2016 dan telah disertai oleh seramai 40 orang peserta yang mewakili pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun dan swasta.

Antaranya ialah Jabatan Ketua Menteri Sarawak (JKM), Pejabat Daerah Bau, Ibu Pejabat Polis Daerah PDRM, Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) Sarawak, Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak, SK Semenggok, Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Institut Kemahiran MARA, Politeknik Kuching, Pusat Latihan PDRM (PULAPOL) serta tidak ketinggalan juga ialah penglibatan staf dan pelajar UNIMAS.

Antara objektif penganjuran ialah mendedahkan ilmu Expressive Theory secara sistematik dan berstruktur, membantu peserta melihat kelebihan serta kepentingan dalam menggunakan kaedah

terapi yang beransurkan ekspresi diri dan membina keyakinan pengamal bidang kaunseling dan proses hubungan menolong dengan menggunakan Expressive Theory.

Pelaksanaan program SETEA sepanjang 2 hari ini dilaksanakan dalam bentuk ceramah, aktiviti kelompok besar, latihan dalam kumpulan, hands on activity menggunakan Art Therapy, perkongsian kumpulan dan sesi soal jawab.

Penceramah yang berkaliber dan ber-



URUS SETIA dari Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) dan Unit Kaunseling dan Kebajikan Pelajar, UNIMAS.

pengalaman dalam bidang ini iaitu kaunselor berdaftar dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Puan Siti Fatimah binti Abdul Ghani telah diundang khas bagi menjayakan program ini dengan dibantu oleh Puan Saptuyah binti Barahim merupakan Pegawai Psikologi di Unit Kaunseling dan

Kebajikan Pelajar (UniK), UNIMAS yang bertindak selaku fasilitator.

Pada akhir program telah diadakan majlis ringkas iaitu Sesi Penangguhan dan Penyampaian Sijil kepada peserta yang telah disempurnakan oleh Haji Abu Bakar Ibrahim, Pendaftar UNIMAS.

Diharapkan program SETEA 2016 adalah sebagai titik permulaan kepada UNIMAS untuk terus menganjurkan program-program menarik dan bermanfaat kepada komuniti yang disertai oleh agensi kerajaan, badan berkanun, swasta dan NGO.



PARA peserta dan ahli jawatankuasa penganjur.